



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI BELAJAR DAN PEMBELAJARAN
BERASASKAN KOMPETENSI DENGAN KOMPETENSI REKAAN
FESYEN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL DI
SEMENANJUNG MALAYSIA***

ZAHARAH BINTI ABD AZIZ

FPP 2022 4



**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI BELAJAR DAN PEMBELAJARAN
BERASASKAN KOMPETENSI DENGAN KOMPETENSI REKAAN FESYEN
DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

Oleh

ZAHARAH BINTI ABD AZIZ

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master
Sains**

Jun 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI BELAJAR DAN PEMBELAJARAN
BERASASKAN KOMPETENSI DENGAN KOMPETENSI REKAAN FESYEN
DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL DI SEMENANJUNG
MALAYSIA**

Oleh

ZAHARAH BINTI ABD AZIZ

Jun 2021

Pengerusi : Rahimah binti Jamaluddin, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (PTV) dikaitkan dengan melahirkan graduan yang berdaya saing dengan kemahiran yang dipelajari. Justeru itu, PTV mengamalkan kaedah pendidikan dan latihan yang menyediakan individu dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk berjaya dalam dunia pekerjaan dan menekankan amalan industri. Kerajaan Malaysia menganggarkan 1.5 juta peluang pekerjaan baharu berkaitan PTV diwujudkan dalam pelbagai sektor utama ekonomi negara menjelang 2020, termasuk Sektor Industri Seni Reka Fesyen. Namun begitu Pelan Pembangunan Pekerjaan Siswazah Nasional 2012-2017 melaporkan wujud jurang diantara kompetensi yang diperlukan di industri dengan kompetensi yang diperolehi pelajar di institusi pendidikan. Terdapat rungutan daripada majikan yang menyatakan graduan seni reka fesyen masih rendah dalam mempraktikkan kompetensi yang dipelajari di institusi pendidikan di tempat kerja. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara motivasi belajar dan pembelajaran berasaskan kompetensi (PBK) dengan kompetensi rekaan fesyen dalam kalangan pelajar Program Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia. Kajian ini juga untuk menentukan tahap pemboleh ubah motivasi belajar dan PBK serta kompetensi rekaan fesyen. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan rekabentuk kolerasi. Data kajian dikumpul menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Kajian dilaksanakan ke atas 200 pelajar Diploma Program Seni Reka Fesyen KV di Semenanjung Malaysia. Hasil dapatan menunjukkan pelajar seni reka fesyen memiliki kemahiran rekaan fesyen yang sederhana (Min=2.88,

SP=.43) manakala skor pengetahuan rekaan fesyen pula berada pada tahap pencapaian kepujian. Namun didapati sikap pelajar Program Seni Reka Fesyen berada pada tahap yang tinggi (Min=3.96, SP=.46). Tahap motivasi belajar pelajar Program Seni Reka Fesyen berada pada tahap yang tinggi (Min= 4.05, SP=.30) manakala tahap pelaksanaan dan penguasaan PBK dikalangan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen pula berada pada tahap yang sederhana (Min=3.08, SP=.35). Hasil analisis kajian ini juga mendapati terdapat hubungan yang kuat dan signifikan ($r = .542$, $p < .005$) di antara PBK dengan kemahiran rekaan fesyen. Motivasi belajar pula menunjukkan hubungan yang lemah dan signifikan ($r = .249$, $p < .005$) dengan kemahiran rekaan fesyen pelajar. Namun begitu pemboleh ubah motivasi belajar ($r = .373$, $p < .005$) dan PBK ($r = .509$, $p < .005$) mempunyai hubungan yang sederhana dan signifikan dengan sikap pelajar Program Seni Reka Fesyen. Dapatan kajian ini menunjukkan motivasi dan PBK yang dilaksanakan di dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mempunyai hubungan dengan penguasaan kompetensi rekaan fesyen pelajar Program Seni Reka Fesyen KV. PBK pula merupakan faktor peramal bagi kompetensi pelajar seni reka fesyendengan varian perubahan sebanyak 38.4%. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, PBK dan motivasi belajar perlu berada dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional. Kedua-dua pemboleh ubah ini mampu memberi impak kepada kecemerlangan pelajar. Pihak pengurusan Kolej Vokasional dan guru perlu memberi motivasi secara berterusan kepada pelajar. Guru juga memerlukan sokongan daripada pihak pengurusan KV untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai PBK bagi melahirkan pelajar yang berkemampuan. Selain itu, Pelaksanaan PBK amat sesuai dilaksanakan di KV dan perlu penambahbaikan dari semasa ke semasa. Guru dan pelajar perlu bekerjasama sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan agar pelajar sentiasa kompeten di dalam kursus yang dipelajari. Sokongan semua pihak terhadap sistem pendidikan KV mampu melahirkan pelajar yang kompeten dan bersahsiah tinggi dan berdaya saing. Di samping itu juga pihak pengurusan KV harus ada hubungannya yang berterusan dengan industri agar segala yang dipelajari di KV standing dengan kompetensi yang diperlukan oleh industri.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING MOTIVATION AND COMPETENCE-BASED LEARNING WITH FASHION DESIGN COMPETENCY AMONG VOCATIONAL COLLEGE STUDENTS IN PENINSULAR MALAYSIA

By

ZAHARAH BINTI ABD AZIZ

Jun 2021

Chairman : Rahimah binti Jamaluddin, PhD
Faculty : Educational Studies

Technical and Vocational Education and Training (TVET) is associated with producing graduates who have competitive edge with the skills learned. As such, TVET adopts education and training methods that prepare people in terms of knowledge, skills and attitudes to succeed in the working environment and emphasizes industry practices. The Malaysian government estimates that 1.5 million new PTV related jobs will be created in various key sectors of the country's economy by 2020, including the Fashion Design Industry Sector. However, the National Graduate Employment Development Plan 2012-2017 reports that there is a gap between the competencies required in the industry and the competencies acquired by students in educational institutions. There are complaints from employers stating that fashion design graduates are still low in having competence learned in educational institutions in the workplace. In this regard, this study aims to determine the relationship between learning motivation and competency-based learning (CBL) with fashion design competencies among students of the Fashion Design Arts Program of Vocational Colleges in Peninsular Malaysia. This study is also to determine the level of learning motivation and PBK with fashion design competence. This study uses a quantitative approach with a correlation design. Data were collected using questionnaires and analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23.0. The study was conducted on 200 students of the KV Fashion Design Program in Peninsular Malaysia. The results showed that the fashion design students have moderate fashion design skills (Mean = 2.88, SP = .43) while the fashion design knowledge score was at the level of honors achievement. However, it was found that the attitude of the students of the Fashion Design Art Program was at a high level (Mean = 3.96, SP = .46). The level of learning motivation of students of the Fashion Design Art Program is at a high level (Mean = 4.05, SP = .30) while the level of implementation and mastery of CBL among students Diploma in Fashion Design Art is at a moderate level (Mean = 3.08, SP = .35). The results of the analysis of this study also found that

there is a strong and significant relationship ($r = .542, p < .005$) between PBK and fashion design skills. Learning motivation showed a weak and significant relationship ($r = .249, p < .005$) with students' fashion design skills. However, the variables of learning motivation ($r = .373, p < .005$) and PBK ($r = .509, p < .005$) have a moderate and significant relationship with the attitudes of students of the Fashion Design Art Program. The findings of this study show that the motivation and PBK implemented in Teaching and Learning (PdP) have a relationship with the mastery of fashion design competencies of students of the KV Fashion Design Art Program. PBK is a predictor factor for the competence of fashion design students with a variance of 38.4%. Based on the findings of the study, PBK and learning motivation should be in the PTV education system. Both of these variables are able to impact student's excellence. The management of the Vocational College and teachers needs to continuously motivate the students. Teachers also need support from the management of KV to improve knowledge and skills on PBK to produce competent students. In addition, the implementation of PBK is very suitable to be implemented in KV and needs improvement from time to time. Teachers and students need to work together throughout the implementation of teaching and learning process (PdP) so that students are always competent in the courses studied. The support of all parties to the KV education system is able to produce students who are competent, highly motivated and competitive. In addition, the KV management must have an ongoing relationship with the industry so that everything learned in KV stands with the competencies required by the industry.

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH DAN PENYAYANG

Syukur alhamdulillah, ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia selaku penaja kerana memberi peluang kepada saya melanjutkan pengajian ke peringkat master. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia yang memberikan ilmu. Jutaan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan iaitu Dr Rahimah binti Jamaluddin dan PM Dr Suhaida Abdul Kadir yang sentiasa membimbing dan membantu.

Buat keluarga tersayang yang sentiasa membantu dan memberi semangat untuk teruskan pembelajaran sehingga berjaya. Buat suami Amizumin Abdul Mubin juga anak-anak Hamiz Irsyad dan Raisha Nur Iman yang tersayang terima kasih untuk segala yang dikorbankan.

Tesis ini telah dikemukakan pada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rahimah binti Jamaluddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Suhaida binti Abd. Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Februari 2022

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyeliaan dan pengkajian tesis in adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan seperti yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengkajian Siswazah) (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi _____

Jawatankuasa _____

Penyeliaan: Dr. Rahimah binti Jamaludin

Tandatangan: _____

Nama Ahli _____

Jawatankuasa _____

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Suhaida binti Abd. Kadir

SENARAI KANDUNGAN

	Page
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKAUN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Umum	6
1.5 Objektif Khusus	6
1.5.1 Persoalan Kajian	6
1.5.2 Hipotesis Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian dan Limitasi Kajian	8
1.8 Definisi Operasi	9
1.9 Rumusan Bab	10
2 KAJIAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Konsep Kompetensi	11
2.3 Kompetensi dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional	14
2.4 Kompetensi Rekaan Fesyen	13
2.5 Konsep Pembelajaran Berasaskan Kompetensi	17
2.6 Konsep Motivasi	19
2.7 Teori dan Model Kajian	21
2.7.1 Model Produktiviti Pendidikan Walberg (1981)	21
2.7.2 Model Iceberg (Bongkah Ais)	24
2.7.3 Teori Determinasi Kendiri (Self Determination Theory)	26
2.8 Sorotan Kajian	27
2.8.1 Kompetensi Rekaan Fesyen, Motivasi Belajar dan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi	27

2.8.2	Hubungan Motivasi Belajar, Pembelajaran Berasaskan Kompetensi dengan Kompetensi Rekaan Fesyen	31
2.8.3	Faktor Peramal Kompetensi Rekaan Fesyen	32
2.9	Kerangka Teori Kajian	33
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	34
2.11	Rumusan Bab	35
3	METODOLOGI KAJIAN	36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Lokasi Kajian	36
3.4	Populasi Kajian	37
3.5	Saiz Sampel	37
3.6	Teknik Persampelan	38
3.7	Instrumen Kajian	40
3.8	Kesahan	43
3.9	Kajian Rintis	44
3.10	Kebolehpercayaan	45
3.11	Pengumpulan Data	46
3.12	Analisis Data	47
3.13	Analisis Penerokaan Data	47
3.14	Analisis Deskriptif	47
3.15	Analisis Statistis Inferensi	49
3.16	Rumusan Bab	51
4	DAPATAN DATA	52
4.1	Pengenalan	52
4.2	Latar Belakang Responden	52
4.3	Kompetensi Rekaan Fesyen	53
4.3.1	Kemahiran Rekaan Fesyen	53
4.3.2	Pengetahuan Rekaan Fesyen	57
4.3.3	Sikap Pelajar Seni Reka Fesyen	56
4.4	Motivasi Belajar	58
4.5	Pembelajaran Berasaskan Kompetensi (PBK)	61
4.6	Hubungan Motivasi Belajar dengan Kompetensi Rekaan Fesyen	65
4.6.1	Hubungan Motivasi pelajar dengan Pengetahuan Rekaan Fesyen	65
4.6.2	Hubungan Motivasi pelajar dengan Pengetahuan Rekaan Fesyen	66
4.6.3	Hubungan Motivasi Belajar dengan Sikap Pelajar Seni Reka Fesyen	66

4.7	Hubungan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi dengan Kompetensi Rekaan Fesyen	67
4.7.1	Hubungan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi dengan Pengetahuan Rekaan Fesyen	67
4.7.2	Hubungan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi dengan Pengetahuan Rekaan Fesyen	67
4.7.3	Hubungan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi dengan Sikap Pelajar Seni Reka Fesyen	68
4.8	Menentukan Faktor Peramal Kompetensi Rekaan Fesyen	68
4.9	Perbincangan Dapatan Kajian	70
4.9.1	Kompetensi Rekaan Fesyen, Motivasi Belajar dan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi dalam Kalangan Pelajar Seni Reka Fesyen di Kolej Vokasional	70
4.9.2	Hubungan Motivasi Belajar dan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi dalam Kalangan Pelajar Seni Reka Fesyen di Kolej Vokasional	73
4.9.2	Faktor Peramal yang Menyumbang kepada Kompetensi Rekaan Fesyen	76
4.10	Rumusan Bab	77
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	78
5.1	Pengenalan	78
5.2	Rumusan Kajian	78
5.3	Implikasi Kajian	80
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	81
5.5	Rumusan Bab	81
	RUJUKAN	82
	LAMPIRAN	104
	BIODATA PELAJAR	136
	SENARAI PENERBITAN DAN PERSIDANGAN	137

SENARAI JADUAL

Jadual		Mukasurat
3.1	Taburan Populasi Pelajar Program Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional	37
3.2	Bilangan sampel kajian mengikut KV	40
3.3	Set Soalan Soal Selidik	40
3.4	Kandungan Soal Selidik Item Bahagian A	41
3.5	Kandungan Item Bahagian B	42
3.6	Kandungan Item Bahagian C	42
3.7	Kandungan Item Dan Sumber Soalan Soal Selidik	43
3.8	Senarai Panel Kesahan Kandungan Instrumen	44
3.9	Nilai Cronbach's Alpha (α) Bagi Setiap Bahagian Soal Selidik	45
3.10	Pengumpulan Data Kajian	46
3.11	Interprestasi Skor Min Bagi Skala Likert 5 Mata	48
3.12	Interprestasi Skor Min Bagi Skala Likert 4 Mata	48
3.13	Tahap Pencapaian Skor Pengetahuan	49
3.14	Aras Kekuatan Nilai Pekali Kolerasi	49
3.15	Kaedah Analisis Data	50
4.1	Demografi Responden	52
4.2	Nilai Min Dimensi Kompetensi Rekaan Fesyen	53
4.3	Nilai Min Dimensi Kemahiran Rekaan Fesyen	53
4.4	Dapatan Analisis Item Kemahiran Rekaan Fesyen	55
4.5	Nilai Skor Pengetahuan Pelajar Rekaan Fesyen	57
4.6	Dapatan Analisis Item Sikap Pelajar	58
4.7	Nilai Min Motivasi Belajar (N=200)	59

4.8	Dapatan Analisis Item Motivasi Instrinsik Dan Motivasi Ekstrinsik	59
4.9	Nilai Min Bagi PBK	61
4.10	Analisis Item PBK	62
4.11	Hubungan Diantara Motivasi Belajar Dan Kemahiran Rekaan Fesyen	65
4.12	Hubungan Diantara Motivasi Belajar Dan Pengetahuan Rekaan Fesyen	66
4.13	Hubungan Motivasi Belajar Dengan Sikap Pelajar Seni Reka Fesyen	66
4.14	Hubungan PBK dan Kemahiran Rekaan Fesyen	67
4.15	Hubungan PBK dengan Pengetahuan Pelajar Rekaan Fesyen	68
4.16	Hubungan PBK Dengan Sikap Pelajar Rekaan Fesyen	68
4.17	Analisi Anova Bagi Regrasi Pelbagai	69
4.18	Faktor Peramal Bagi Kompetensi Rekaan Fesyen	69
4.19	Analisis Regrasi Pelbagai Untuk Penentu Faktor Peramal Kompetensi Rekaan Fesyen	70

SENARAI RAJAH

Rajah		Mukasurat
2.1	Model Produktiviti Pendidikan Walberg (1981)	22
2.2	Model Iceberg (sumber: Spencer & Spencer 1993)	25
2.3	Kerangka Teori Kajian	34
2.4	Kerangka Konseptual Kajian	34
3.1	Pemilihan Sampel Kajian	39

SENARAI SINGKATAN

BPLTV	Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional
CBL	Competency-Based Learning
DV	Dependent Variable
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
IV	Independent Variable
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
NOSS	National Occupational Skills Standard
OJT	On-Job Training
PBK	Pembelajaran Berasaskan Kompetensi
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTV	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
SDT	Self Determination Theory
TVET	Technical and Vocational Education and Training
UPE	Unit Perancang Ekonomi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Institute For Employment Studies (IES), UK (2015) melaporkan bahawa tiga perkara penting yang diperlukan oleh majikan dalam mengambil graduan bekerja ialah sikap atau tingkah laku yang baik di dalam pekerjaan, kemahiran yang dimiliki oleh graduan serta kebolehan pekerja menguruskan pekerjaan mereka. Sehubungan dengan itu, institusi pendidikan di Malaysia sentiasa menekankan pendekatan kemahiran selari dengan keperluan industri.

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PTV) merupakan Salah satu institusi yang mempunyai hala tuju pekerjaan. Hala tuju ini bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang tertentu. PTV menawarkan pelbagai program bagi pelajar yang kurang kecenderungan di dalam akademik. Antara kelebihan lulusan program PTV adalah dapat menguasai kompetensi dari aspek pengetahuan dan kemahiran praktikal yang lebih baik berbanding lulusan akademik. Kelebihan ini membuka peluang pekerjaan dan menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada lulusan PTV.

Namun untuk diterima masuk ke dunia industri, pelajar perlu mempersiapkan diri dengan kompetensi agar berupaya menjadi pekerja terlatih dan kompeten bagi memenuhi keperluan industri (Ahmad, Jalani, & Hasmori, 2015). Kompetensi yang dimaksudkan adalah ciri-ciri di dalam diri seseorang dan berkaitan dengan pencapaian prestasi individu dalam pekerjaan yang dilakukan (Spencer & Spencer, 1993). Boehn dan Hofman (2014), berpendapat kompetensi adalah berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku seseorang di dalam melakukan sesuatu aktiviti. Oleh sebab itu pelajar seharusnya menguasai kompetensi agar lebih diterima oleh industri dan memenuhi kehendak majikan.

Dalam bab ini dibincangkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian beserta persoalan dan hipotesis kajian. Selain itu dibincangkan juga kepentingan kajian, skop dan limitasi kajian. Di terangkan juga definisi operasi bagi pemboleh ubah motivasi belajar, pembelajaran berasaskan kompetensi (PBK) dan kompetensi rekaan fesyen.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kompetensi merupakan ciri-ciri yang dimiliki oleh seseorang individu yang terdiri daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membolehkannya melaksanakan prestasi yang hebat untuk setiap tugas (Rao, 2010). Siraj dan Ibrahim (2012) menyatakan kompetensi secara umumnya adalah keupayaan seseorang untuk mencapai matlamat berdasarkan terma-terma yang ditetapkan. Hoffmann (1999) menyatakan kompetensi juga dikenalpasti sebagai perlakuan psikomotor atau tingkah laku (behavior) yang perlu ditunjukkan oleh pelajar serta ianya boleh dinilai atau diukur.

Elemen kompetensi merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan kualiti peribadi atau sikap (McBer, 1996). Mohammed Sani (2007) dan Sutton (2004) mentakrifkan kompetensi sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan tingkahlaku yang perlu dimiliki dan diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan. Kompetensi yang dimiliki membolehkan seseorang melaksanakan tugas yang berkualiti tinggi.

Di dalam kajian ini, kompetensi yang dikaji merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dimiliki untuk menguruskan segala aktiviti. Berkompeten bermaksud seseorang berkemampuan dan berwibawa untuk melakukan pekerjaan dengan merujuk kepada aspek pengetahuan, kemahiran, dan tingkah laku yang relevan (Boahin et. al, 2014). Hsieh, Lin dan Lee (2012), menyatakan pengetahuan merujuk kepada maklumat berbentuk fakta yang diperlukan untuk memahami subjek tertentu manakala kemahiran pula merupakan kemampuan untuk menyelesaikan tugas.

Melalui Model Iceberg (bongkah ais), kompetensi terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian di paras air iaitu pengetahuan dan kemahiran manakala bahagian yang kedua adalah di bawah paras air iaitu nilai, peranan sosial, imej, sifat dan motif. Berdasarkan Model Iceberg tiga komponen yang dikenali sebagai kompetensi adalah pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi/sikap. Kompetensi juga merupakan elemen hasil pembelajaran selepas melalui proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di dalam kelas. Model Produktiviti Pendidikan Walberg (1982) menggambarkan elemen hasil pembelajaran terdiri daripada tiga perkara yang diukur iaitu hasil kognitif (pengetahuan), behavior (kemahiran) dan afektif (sikap). Ketiga-tiga elemen ini juga merupakan elemen kompetensi.

Maka sejajar dengan perkembangan PTV. Tranformasi pendidikan vokasional berlaku apabila Sekolah Menengah Vokasional (SMV) dinaik taraf menjadi Kolej Vokasional (KV). Penstrukturan kurikulum KV adalah kepada penguasaan 70 peratus bidang kemahiran dan 30 peratus bidang akademik yang bematlamat menghasilkan graduan yang kompeten untuk bekerja. Situasi ini selari dengan

matlamat PPPM 2013- 2025 untuk memanfaatkan peruntukan perbelanjaan kerajaan agar melaksanakan program-program ke arah keberhasilan pelajar dalam menghasilkan modal insan yang kompeten dari aspek pengetahuan, kemahiran, inovatif dan kreatif, bersahsiah, patriotik, cerdas dan berpandangan jauh. Ketiga-tiga elemen ini diperlukan untuk memenuhi kehendak majikan terhadap graduan yang boleh bekerja dalam persekitaran yang kompleks, bermaklumat, kerjasama, dinamik dan integrasi (Westera, 2001).

Justeru, KV menyediakan pelbagai program pendidikan untuk dipelajari oleh pelajar bermula selepas pelajar selesai menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Antara bidang yang sering menjadi pilihan pelajar untuk belajar di KV adalah Program Seni Reka Fesyen. Bidang ini menjadi pilihan kerana sering dikaitkan dengan kecantikan, kemewahan dan populariti. Ini kerana, industri fesyen sentiasa berkembang secara dinamik (Cham, Ng, Lim dan Cheng, 2018) disebabkan keperluan dan permintaan pengguna yang mementingkan imej diri. Industri ini juga menjangkakan sebanyak 28.5 peratus pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun 2020 (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 2020).

Menurut Nsifon (2014) bidang berkaitan fesyen dan pakaian merupakan program yang diminati untuk dipelajari kerana membantu di dalam kerjaya pada masa datang. Penguasaan kemahiran di dalam bidang fesyen dan pakaian juga sangat mempengaruhi kebolehpasaran graduan di industri pekerjaan (Unimna, Essien, & Unimke, 2021). Oleh sebab itu, industri ini memerlukan modal insan yang berbakat dan berkepakaran bagi memenuhi keperluan pasaran.

Perkembangan industri fesyen ini menunjukkan potensi yang cerah untuk kerjaya di dalam industri seni reka fesyen dan pembuatan pakaian. Namun seharusnya institusi yang melahirkan pelajar Program Seni Reka Fesyen seperti KV perlu memastikan setiap pelajar menguasai setiap kompetensi di dalam bidang dengan cemerlang melalui pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali (Ramly & Shaari, 2019). Menurut Kamis, Bakar, Hamzah dan Asimiran (2014) kompetensi yang diperlukan oleh pelajar bagi memenuhi pasaran kerjaya antaranya adalah pengetahuan berkaitan perdagangan, pengetahuan rekaan fesyen dan pengetahuan penilaian tekstil. Selain itu, kemahiran berbahasa, kemahiran menguruskan produk, kemahiran inovatif dan teknologi dan kemahiran rekabentuk juga diperlukan (Boonthon & Ratanaolarn, 2019). Romea dan Lee (2013) juga mengenalpasti bahawa kemahiran teknologi sangat diperlukan oleh pereka fesyen. Sehubungan itu, bakal graduan Program Seni Reka Fesyen perlu cemerlang menguasai kompetensi di dalam bidang seni reka fesyen agar mampu menjadi graduan yang berinovatif dan berdaya saing.

Untuk menguasai kompetensi ini, David dan Motala (2017) berpendapat bahawa institusi pendidikan merupakan agen yang mampu menjana sumber yang kompeten selaras dengan pasaran buruh, dengan mendapatkan maklum balas dari pereka fesyen sedia ada di pasaran untuk dijadikan panduan. Scobby (2001) juga menyatakan, latihan yang mencukupi penting dalam membentuk

pelajar yang berkemahiran tinggi selepas mereka menamatkan pengajian di institusi pendidikan yang dipilih. Kenyataan ini disokong oleh Cheng dan Ho (2001) yang menyatakan bahawa keuntungan diperolehi oleh dua pihak iaitu pihak yang memberi latihan dan yang menganjurkan latihan apabila pelatih dapat mempraktikkan kembali latihan yang dipelajari.

Pembelajaran berpusatkan pelajar seperti pembelajaran berasaskan kompetensi (PBK) merupakan strategi PdP yang sangat ditekankan dalam Pembelajaran abad ke-21 kerana ia mampu membuatkan pelajar lebih bersedia untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dan juga memasuki bidang pekerjaan (Ryan & Cox, 2017). Menurut Foster dan Jones (2020) PBK dapat meningkatkan kompetensi pelajar kerana PBK bukan sahaja membentuk asas pendidikan yang kukuh malahan dapat mengembangkan kemahiran sehingga mampu meningkatkan kemahiran profesional mereka (Boahin et al., 2014). Van, Kunst, Woerkom, Wesselink, dan Poell (2020) menyatakan pelaksanaan PBK memerlukan sokongan dari guru untuk mempersiapkan pelajar dengan lebih baik untuk memasuki dunia pekerjaan pada masa hadapan.

Untuk menjadikan proses pembelajaran berjalan lancar, pelajar perlu sentiasa berada di dalam keadaan bermotivasi. Di dalam Teori Determinasi Kendiri (Self Determination Theory) seseorang individu perlu sentiasa berusaha untuk memahami dan meningkatkan kemajuan diri dengan mengintegrasikan pengalaman baru, memenuhi keperluan, keinginan, dan minat serta saling berhubung dengan orang lain di dunia luar. Namun begitu, keadaan ini akan berlaku sebaliknya iaitu ia boleh menjadi tidak terkawal, konflik dan terasing jika asas keperluan psikologi dalam autonomi, kompetensi dan perhubungan tidak dapat dipenuhi di sebabkan oleh masalah yang berlaku di persekitaran sosial (Deci & Ryan, 2008).

1.3 Penyataan Masalah

Menerusi Rancangan Malaysia ke 11 (RMK-11) 2016 – 2020, dianggarkan seramai 1.5 juta pekerja dalam bidang PTV diperlukan menjelang 2020. Berikutan itu, Institusi pendidikan berusaha menyediakan graduan yang menguasai kompetensi dari aspek pengetahuan dan aspek kemahiran yang bersesuaian dengan pasaran kerja pada masa kini.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada Hanapi, Nordin dan Rus (2014), dilaporkan kompetensi dan kualiti pendidikan dalam kalangan graduan merupakan faktor yang menyumbang kepada masalah pengangguran di Malaysia. Ini disebabkan wujudnya jurang diantara kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri dengan kemahiran yang dipelajari di sekolah (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012). Isu yang sama wujud dalam kalangan pelajar fesyen (Ming, Manlai & Fei, 2005). Pelajar dilaporkan tidak menguasai pengetahuan teknikal dan kemahiran generik, bahkan pelajar juga tidak diberi

peluang untuk mempraktikkan kesemua kemahiran yang dipelajari ketika menjalani latihan industri (Joy & Hiller, 2014; Dandira, Maphosa & Nsubuga, (2017).

Isu berkaitan kompetensi dan kualiti pendidikan berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut Hanapi et. al., (2014) PdP yang tertumpu kepada pengajar serta kekangan waktu pembelajaran menjadi penyebab pelajar kurang berkemahiran setelah tamat belajar. Kenyataan ini selari dengan Rahman, Saud, Kamin, dan Samah (2015) yang turut melaporkan antara kekangan atau masalah yang dihadapi oleh guru di KV ketika proses PdP adalah kekangan masa pembelajaran.

Selain itu, Jamaludin (2014) melaporkan proses PdP di KV menjadi sukar disebabkan terdapatnya kursus amali yang perlu diajar menggunakan teknologi yang terkini. Keadaan ini menyukarkan tenaga pengajar menggunakan teknik pengajaran konvensional. Berikutan itu, guru di KV memerlukan kaedah PdP yang praktikal untuk membimbing pelajar agar dapat menguasai kemahiran (Omar, 2014) dan meningkatkan penguasaan kompetensi pelajar (Joana, Selase, Selom & Emefa, 2015).

Bagi menjayakan proses PdP yang berkesan kepada pelajar, Abu dan Eu (2017) melaporkan pelajar yang memiliki motivasi adalah pelajar yang berminat untuk belajar dan ada usaha untuk berubah. Motivasi boleh diwujudkan di dalam diri pelajar apabila mereka bebas memberikan idea dan mengambil bahagian di dalam setiap perbincangan di dalam kelas atau bengkel (Williams & Williams, 2011). Situasi ini dapat mengelakkan pelajar berasa bosan serta tidak berminat untuk belajar.

Merujuk kepada sorotan literatur, PBK merupakan pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar (Ryan & Cox, 2016) dan berupaya menarik minat pelajar kerana ianya berfokus kepada bimbingan secara berterusan dan boleh memberikan kesan positif kepada hasil pembelajaran pelajar (Le & Steinberg, 2014; Ryan & Cox, 2016). Aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan ini secara tidak langsung mampu meningkatkan motivasi belajar (Tran, Nguyen, Van De, Soryaly & Doan (2019). Kedua-dua pemboleh ubah ini dilihat sangat signifikan dalam meningkatkan kompetensi pelajar (Ramli, 2014).

Memandangkan pelaksanaan PBK dalam kalangan pelajar KV khususnya bagi Program Seni Reka Fesyen masih diperingkat pengenalan, maka pengkaji mendapati wujudnya keperluan untuk menentukan hubungan antara motivasi belajar dan PBK dengan kompetensi rekaan fesyen pelajar Diploma Program Seni Reka Fesyen di Kolej Vokasional.

1.4 Objektif Umum

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk menentukan hubungan motivasi belajar dan pembelajaran berasaskan kompetensi (PBK) dengan kompetensi rekaan fesyen dalam kalangan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia.

1.5 Objektif Khusus

Objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Menentukan tahap kompetensi rekaan fesyen, motivasi belajar dan PBK dalam kalangan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia berdasarkan dimensi kompetensi rekaan fesyen.
- b. Menentukan hubungan antara motivasi belajar dan PBK dengan dimensi kompetensi rekaan fesyen dalam kalangan pelajar Diploma Program Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia berdasarkan dimensi kompetensi rekaan fesyen .
- c. Menentukan faktor peramal yang dominan menyumbang kepada kompetensi rekaan fesyen dalam kalangan pelajar Diploma Program Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional di Semenanjung Malaysia.

1.5.1 Persoalan Kajian

Merujuk kepada objektif umum kajian, pengkaji telah menetapkan sembilan persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah tahap kemahiran rekaan fesyen yang dimiliki oleh pelajar dari segi kemahiran mereka bentuk (melukis), kemahiran melakar pola, kemahiran menjahit, kemahiran keusahawanan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?
- ii. Apakah tahap pengetahuan rekaan fesyen pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?
- iii. Apakah tahap sikap pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?
- iv. Apakah tahap motivasi instrinsik yang dimiliki oleh pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?
- v. Apakah tahap motivasi ekstrinsik yang dimiliki oleh pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?

- vi. Apakah tahap kemajuan penguasaan kaedah demonstrasi (*progression through demonstration of mastery*) dalam kalangan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?
- vii. Apakah tahap personaliti (*personalization*) dalam kalangan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?
- viii. Apakah tahap penilaian yang fleksibel (*flexible assessment*) dalam kalangan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?
- ix. Apakah tahap pembangunan kemahiran dan sifat pelajar (*development of specific skills and disposition*) dalam kalangan pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional?

1.5.2 Hipotesis Kajian

Pengkaji juga telah menetapkan tujuh hipotesis nul bagi kajian iaitu:

- Ho1 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara motivasi belajar dengan kemahiran rekaan fesyen Pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional.
- Ho2 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara motivasi belajar dengan pengetahuan rekaan fesyen Pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional.
- Ho3 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara motivasi belajar dengan sikap pelajar terhadap kursus Program Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional.
- Ho4 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara PBK dengan kemahiran rekaan fesyen Pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional
- Ho5 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara PBK dengan pengetahuan rekaan fesyen Pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional
- Ho6 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara PBK dengan sikap pelajar terhadap kursus program Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional.
- Ho7 : Motivasi belajar dan PBK bukan merupakan faktor peramal bagi kompetensi rekaan fesyen pelajar Diploma Seni Reka Fesyen Kolej Vokasional.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk menentukan hubungan motivasi belajar dan PBK dengan kompetensi rekaan fesyen yang dimiliki oleh pelajar Diploma Seni Reka Fesyen di Kolej Vokasional. Kajian seumpama ini sangat penting untuk dijalankan kerana dapat membantu usaha sistem pendidikan latihan dan teknikal dan vokasional (PTV) untuk mengetahui keperluan bagi meningkatkan kompetensi pelajar Diploma Program Seni Reka Fesyen KV agar menjadi modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran di dalam bidang. Selain itu, melalui kajian

ini juga dapat diketahui status semasa motivasi belajar, PBK dan kompetensi pelajar Program Seni Reka Fesyen KV.

Melalui dapatan kajian ini, motivasi belajar dan pendekatan PdP PBK dapat membantu pelajar menguasai kompetensi bagi setiap hasil pembelajaran dengan baik. Berikutan itu, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada guru untuk mengambil inisiatif agar mempelbagaikan kaedah PdP bagi memastikan pelajar memenuhi kompetensi sebelum guru meneruskan objektif pembelajaran yang baru.

Melalui dapatan kajian ini juga, pentadbir KV boleh merancang pelbagai aktiviti berbentuk ilmiah sebagai dorongan kepada pelajar untuk terus belajar meskipun pelbagai dugaan yang dihadapi. Pengisian aktiviti-aktiviti ini mampu membentuk sikap yang baik di kalangan pelajar KV. Guru juga perlu sentiasa memberi sokongan dan penghargaan kepada pelajar agar pelajar berusaha untuk menguasai bidang seni reka fesyen.

Dapatan kajian ini juga, memberi maklumat yang berguna kepada BPLTV untuk menambah baik kurikulum Diploma Vokasional Malaysia (DVM) sedia ada agar pelajar dapat menguasai kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan oleh industri sebelum bergraduasi.

1.7 Skop Kajian dan Limitasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengkaji tiga pemboleh ubah iaitu motivasi belajar, PBK dan kompetensi rekaan fesyen pakaian. Kajian ini melibatkan pelajar diploma Program Seni Reka Fesyen KV di Semenanjung Malaysia. Enam KV yang terlibat dengan kajian ini iaitu KV Sultan Abdul Samad Banting Selangor, KV ERT Azizah Johor, KV ERT Setapak Kuala Lumpur, KV Puteri Temerloh Pahang, KV Dungun dan KV Sg Petani 2 Kedah.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk korelasi bagi menentukan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang terdiri daripada item motivasi belajar, PBK dan kompetensi rekaan fesyen. Sampel kajian terdiri daripada 200 orang Program Seni Reka Fesyen KV di Semenanjung Malaysia. Ketepatan maklumat yang diperolehi adalah bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Keputusan hasil kajian ini menggambarkan keseluruhan pelajar program Diploma Seni Reka Fesyen di Kolej Vokasional.

1.8 Definisi Operasi

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk menghuraikan maksud sesuatu perkataan yang bersesuaian dengan konteks kajian.

a) Motivasi Belajar

Menurut Reeve (2016) motivasi belajar merupakan tingkah laku terpendam pelajar, intensiti pelajar dalam pembelajaran, sikap pelajar ketika belajar dan kegigihan untuk belajar. Manakala Deci dan Ryan (2000) pula menyatakan terdapat dua kategori motivasi belajar antaranya motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik (dalaman) merupakan aktiviti dalaman yang berkaitan dengan minat, kepuasan dan kegembiraan manakala motivasi ekstrinsik (luaran) adalah disebabkan faktor luaran seperti tekanan disebabkan oleh orang lain dan juga ganjaran (Deci et al. 2000). Dalam konteks kajian ini, motivasi belajar merujuk kepada motivasi dalaman dan luaran yang dimiliki oleh pelajar Program Seni Reka Fesyen di KV. Instrument motivasi belajar diadaptasi daripada instrument Mohd Zaki dan Mohd Zaki (2014).

b) Pembelajaran Berasaskan Kompetensi (PBK)

PBK merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang mengandungi elemen kemajuan penguasaan melalui kaedah demonstrasi, personaliti, penilaian fleksibel dan pembangunan kemahiran dan sifat pelajar (Patrick & Sturgis, 2011; Ryan & Cox, 2016). Dalam konteks kajian ini PBK merujuk kepada empat elemen yang dikaji iaitu kemajuan penguasaan melalui kaedah demonstrasi, personaliti, penilaian fleksibel dan pembangunan kemahiran dan sifat pelajar. Instrument PBK ini diadaptasi daripada instrument Ryan dan Cox (2016).

c) Kompetensi Rekaan Fesyen

Kompetensi rekaan fesyen merupakan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang pembuatan dan rekaan fesyen (Kamis dan Bakar, 2011). Kemahiran rekaan fesyen ini merujuk kepada kemahiran mereka bentuk, kemahiran menjahit, kemahiran melakar pola dan kemahiran keusahawanan (Ha-Brookshire & Lee, 2010). Di dalam konteks kajian ini kompetensi rekaan fesyen merupakan kompetensi bagi aspek kemahiran dan pengetahuan khusus di dalam bidang rekaan fesyen yang merangkumi kemahiran rekaan fesyen, pengetahuan rekaan fesyen dan sikap pelajar Diploma Seni Reka Fesyen di KV. Instrument kompetensi rekaan fesyen ini diadaptasi daripada instrument Kamis, Bakar, Hamzah dan Asimiran. (2012).

1.9 Rumusan Bab

Bab ini menerangkan secara terperinci berkaitan latar belakang kajian dan pernyataan masalah kajian. Terdapat tiga objektif utama yang akan dijawab melalui sembilan persoalan kajian dan tujuh hipotesis kajian. Kepentingan kajian, limitasi dan skop kajian serta definisi operasi kajian telah dihuraikan diakhir bab. Bab 2 berikutnya akan menghuraikan lebih lanjut tentang konsep pemboleh ubah kajian.



RUJUKAN

- Abdullah & Ibrahim (2004). Student-centered learning and its relation to self-development and job opportunities. In: National Level Teacher Education Research Seminar 2004, 8-9 September 2004, *City Bayview Hotel Langkawi. (Unpublished)*
- Abu, N. E. B., & Eu, L. K. (2017). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Ab Rahman, A., Zolkify, N. A., Muhamad Hanafi, N., & Mohamad Yusof, A. (2018). Kompetensi pelajar membina pengaturcaraan kawalan logik (plc) bagi kursus automasi industri di kolej vokasional. *Online Journal for PTV Practitioners*, 3(2).<https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-p/article/view/4852>
- Addis, M. (2003). Basic skills and small business competitiveness: Some conceptual considerations. *Education Training*, 45(3), 152-161.
- Ahmad, M. J., Jalani, N. H., & Hasmori, A. A. (2015). PTV di Malaysia: Cabaran dan harapan. In conference proceeding in "Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam.
- Aisyah, S., Kustono, D., & Hadi, S. (2018). The contribution of vocational competence learning to the creativity in apparel making among vocational school students. In *International Conference on Indonesian Technical Vocational Education and Association (APTEKINDO 2018)*.pp. 11-15
- Ali, R. A., Rafie, M. & Arshad, M. (2016). perspectives of students' behavior towards mobile learning (m-learning) in egypt: an extension of the utaut model. *Engineering, Technology & Applied Science Research*, 6(4):1108–1113. <https://doi.org/10.5281/zenodo.61006>.
- Alordiah, C. O., Akpadaka, G., & Oviogbodun, C.O. (2015). The Influence of Gender , School Location and Socio-Economic Status on Students ' Academic Achievement in mathematics. *Journal of Education and Practice*, 6(17), 130–137
- Amankwa Joana, Gbadegbe Richard Selase, Gbetodeme Selorm & Agra Florence Emefa. (2015). Improving the Skill Component of Clothing and Textiles among Students in Second Cycle Institutions in Ghana and its effect on the Polytechnic Fashion student.A Case Study of OLA Girls, Mawuko Girls and Mawuli Senior High School in Ho, Ghana. *Journal of Education and Practice*. Vol.6, No.27,

- Amizan, Noor, & Abas, Rizza (2017). Kemahiran dan sijil kompeten melalui pelaksanaan kursus professional memartabatkan pekerja industri. *Conference: 4th National Conference on Research and Education (NaREC'17)*. Polytechnic Port Dickson Negeri Sembilan
- Ayonmike, C. S., Okwelle, P. C., & Okeke, B. C. (2014). Competency based education and training in Technical Vocational Education: Implication for sustainable national security and development. *Journal of Educational Policy and Entrepreneurial Research*, Volume 1(2), 290–300
- Ana, A., & Nurlaela, L. (2012). development model of patisserie project-based learning. *Journal of Technical Education And Training*, Volume 4(2), 30-44.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga (2015). Pengaruh kompetensi kmahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Volume 3(2).
- Arbiah Maddahiri, Mohd Khairuddin Abdullah @Jerry, Musirin Mosin, Mohammad Haafiz Ahmid, Hairi Asul.(2018). Amalan Pengajaran Guru LINUS-Literasi Malaysian. *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 3 (2),page 32- 39.
- Aydın, F., & Coşkun, M. (2011). Geography teacher candidates' metacognitive awareness levels: A case study from Turkey. *Archives of Applied Science Research*, Volume 3(2), 551-557.
- Ayub, H. (2017). Parental Influence and Attitude of Students towards. *International Journal of Information and Education Technology*, Volume 7(7).
- Azman Hassan. (2012). Instrumen penilaian pembimbing dalam pelaksanaan pembelajaran berasaskan kerja pelajar di industri. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Teknologi Malaysia
- Baharom Mohammad. (2011). Aspek kompetensi dan kemahiran generik dalam penghasilan kerja k-pekerja utusan malaysia 28 sept 2011.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.(2014).Transformasi pendidikan vokasional.https://www.moe.gov.my/images/kpm/pemberitahuan/2014/articlefile_file_003631.pdf
- Bakhsh, K., Rasool, S., Mohsin, N., & Hussain, L. (2015). Role Of Technical Education In Producing Skilled Manpower In Punjab. *Gomal University Journal of Research* , Volume 31(1), 90-100.
- Bartlett, J. E., Kotrlik, J.W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research appropriate sample size in survey research. *Information technology, learning, and performance journal*, Volume 19(1), 43.

- Bashir, U. (2012). Characteristics of competency based training programme. *Pakistan Orthodontic Journal*, Volume 4(2): 36. Available at: <https://poj.org.pk> (Retrieved 18 June 2019)
- Birhane Sime Geressu (2017) Impact of competence-based training on employability of Technical and Vocational graduates in Ethiopia doi: [http://dx.doi.org/10.18543/tjhe-5\(1\)-2017pp101-119](http://dx.doi.org/10.18543/tjhe-5(1)-2017pp101-119)
- Blythe, J. (2008). *Consumer Behaviour*. Thomson Learning : London.
- Boahin, P., & Hofman, W. A. (2014). Perceived effects of competency-based training on the acquisition of professional skills. *International Journal of Educational Development*, Volume 36, 81-89.
- Boonthon, K., & Ratanaolarn, T. (2019). Designer competency of the fashion design undergraduate students in Thailand: a need assessment perspective. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, Volume 10(4), 143-143.
- Boulter, N., Dalziel, M., & Hill, J. (1996). *People and competencies*. London: Bidler, Ltd.
- Bowden, JA. (1995). *Competency-based Education: Neither a Panacea nor a Pariah*. Available at: <http://crm.hct.ac.ae/events/archive/tend/018bowden.html>
- Boyatzis, R.E. (1982). *The competent manager: a model for effective performance*. New York: John Wiley & Sons.
- Brian Tritton (2008). *Competency Based Learning in Higher Education*. Tesis Sarjana Pendidikan. School of Education. Victoria University: Melbourne.
- Bridgstock, R., Goldsmith, B., Rodgers, J., & Hearn, G. (2015). Creative graduate pathways within and beyond the creative industries. *Journal of Education and Work*, Volume 28(4), 333–345.
- Bruinsma, M., & Jansen, E. P. W. A. (2007). Educational productivity in higher education: An examination of part of the Walberg educational productivity model. *School Effectiveness and School Improvement*, Volume 18(1), 45-65.
- Byung Hwa Lee, Young Moon Chae, Tomiko Hokama and Suk Kim (2010). Competency-Based Learning program in system analysis and design for health professionals. *Asia Pac J Public Health 2010*. <http://aph.sagepub.com/content/22/3/299>
- Cham, T. H., Ng, C. K. Y., Lim, Y. M., dan Cheng, B. L. (2018). Factors influencing clothing interest and purchase intention: a study of Generation Y consumers in Malaysia. *The International Review of Retail, Distribution and Consumer Research*. Volume 28(2), 174-189.

- Cheng, W. L. & Ho, C.K. (2001). The influence of job and career attitudes on learning motivation and transfer. *Career Development International*. pp.20-27.
- Chida, M., & Brown, G. (2011). Evaluating the gap between industry assessment of job readiness and graduation standards in higher education institutions: The case of fashion studies. *International Journal of Fashion Design, Technology and Education*, Volume 4(2), 71-82.
- Chua Yan Piaw (2014). Asas statistik penyelidikan Edisi ketiga. Selangor : Mc Graw Hill Education.
- Clayton, B., & Bloom, K. (2008). Doing well, doing it better: practitioners, pedagogy and training packages. *Australian Vocational Educational & Training*, Volume 1(8).
- Cochran, W.G (1977) Sampling Techniques (edisi ke3) New York John: Wiley & Sons.
- Cohen, J. (1988). Statistical power analysis for the behavioral sciences (2nd ed.). New Jersey: Lawrence Erlbaum
